

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 7/1977**

---

**PERMOHONAN-PERMOHONAN TANAH BAGI PERUSAHAAN  
DI NEGERI SELANGOR**

---

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 21hb Julai 1977 telah membuat keputusan supaya segala permohonan-permohonan tanah untuk perusahaan lombong tidak payah di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah. Ini bukanlah satu daripada tugas-tugas Jawatankuasa Tanah Daerah yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Selangor Bil. 3/1975.

2. Pemungut-Pemungut adalah dinasihatkan supaya mematuhi keputusan di perenggan 1 di atas.

T.T  
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.SEL 1289 JLD 1 (2)

KUALA LUMPUR  
25HB OGOS 1977